

# 60 pelajar sertai program Showcase Talent UMS

UB 6.4.16 B3

SERAMAI 60 pelajar menyertai Program Showcase Talent anjuran Jabatan Belia dan Sukan Persekutuan Negeri Sabah dengan kerjasama Sekretariat Rakan Muda UMS.

Para pelajar masing-masing menyertai program iaitu Bengkel Asas Solekan dan Bengkel Asas Fotografi, yang turut melibatkan 10 pelajar dari UiTM Sabah.

Program Showcase Talent itu telah

dikendalikan sepenuhnya selama sehari oleh dua penceramah iaitu Douglas David, MUA dan Jari-Jari Photografi.

Majlis penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Hasmah Ajem, Ketua Bahagian Pembangunan Rakan Muda, Jabatan Belia dan Sukan Persekutuan Negeri Sabah.

Menurut beliau, bengkel jangka pendek itu membolehkan belia IPT mengenali dan memahami asas sesuatu kemahiran di

samping dapat memupuk semangat kerjasama, prihatin dan perkongsian ilmu yang bermanfaat antara satu sama lain.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar dalam membantu menjayakan program kali ini.

Turut hadir, Jovanna Juanis dan Khazarudin Kahar dari JBS Persekutuan, dan Norhana Nordin selaku Penyelaras Rakan Muda UMS.



PARA pelajar yang menyertai program Showcase Talent UMS merakam gambar kenangan selepas program itu.